

# FPSK Muncul Pemenang Anugerah Penyertaan Terbanyak Jom Baca Tahun 2018

Terakhir dikemaskini: Isnin, 29 Oktober 2018 15:06 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 148

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**ISNIN, 29 OKTOBER** - Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Penyertaan Terbanyak untuk Program Jom Baca Tahun 2018 kategori Fakulti yang dianjurkan oleh Perpustakaan UMS baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan FPSK, kemenangan diperolehi itu melalui penyertaan menyeluruh di peringkat kakitangan akademik dan pengurusan serta pelajar FPSK.

“Ini termasuklah pelajar dan staf di Pusat Pendidikan Perubatan

Desa Sikuati dan Blok Kejururawatan Bangunan Pansheng Kingfisher serta pelajar yang sedang menjalani latihan klinikal di Hospital Queen Elizabeth 1 dan Hospital Queen Elizabeth 2,” demikian menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohd. Saffree Jeffree dalam kenyataan sama berkata, kejayaan itu adalah hasil kerjasama erat semua staf dan beliau menyifatkan bahawa program seumpama itu amat bertepatan dalam memacu budaya membaca ke tahap lebih tinggi khususnya dalam kalangan pelajar dan staf FPSK dan UMS secara amnya.

“Saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pelajar dan staf serta jawatankuasa yang terlibat termasuk pihak pengajur iaitu Perpustakaan UMS atas pengajuran program bermanfaat ini.

“Harapan saya agar aktiviti murni seperti ini akan diteruskan oleh Perpustakaan UMS demi kebaikan warga pelajar dan kakitangan universiti,” katanya.

Sumber: FPSK